

U GB 11-07 00229 BC078

aab

Mahathir - Tiba

PM TTBA UNTUK LAWATAN RASMI KE ALBANIA

Daripada Zainoor Sulaiman

TIRANA, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk lawatan rasmi tiga hari, yang pertama oleh seorang pemimpin kerajaan Malaysia, ke Republik Albania, yang baru mengecap kebebasan setelah bertahun-tahun dicengkam oleh pemerintahan diktator komunis.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali disambut setibanya di Lapangan Terbang Rinas di sini oleh Perdana Menteri Encik Aleksander Meksi dan Puan Durata Meksi.

Selepas sambutan ringkas, Encik Meski mengiringi Perdana Menteri ke Palace of Brigade yang akan menjadi kediaman Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah semasa berada di sini.

Dr Mahathir akan mempunyai jadual yang sibuk esok, dengan satu siri rundingan dengan para pemimpin kerajaan Albania termasuk Presiden Sali Verisha, Encik Meski dan anggota kabinet Albania dan Presiden Parlimen Pjeter Arbnori.

Dr Seri Dr Hasmah pula akan mempunyai jadual berasingan dengan melawat sebuah rumah kebajikan kanak-kanak dan sebuah kilang permaidani.

Beliau kemudian akan menyertai Perdana Menteri melawat Pelabuhan Durres dan panggung terbuka dekat sini.

Perdana Menteri mengetuai perwakilan 10 orang yang termasuk Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali. --

Bernama

zs sbj